
ABDUL RASHID MOHAMAD SIDEK

Abdul Rashid Mohamed Sidek (lahir 8 Julai 1968 di Kanchong Darat, Banting, Selangor) merupakan bekas pemain badminton lelaki dari Malaysia serta pemain perseorangan bertaraf dunia sewaktu era 1990-an. Beliau merupakan anak bongsu adalah yang bongsu dalam kalangan lima adik-beradik Haji Sidek yang paling tangkas.




Abang beliau, Razif Sidek dan Jalani Sidek merangkul pingat gangsa Sukan Olimpik bagi beregu lelaki pada 1992. Beliau menjadi pemain termuda yang memenangi Kejohanan Badminton Junior kebangsaan pada tahun 1980 ketika berumur 12 tahun. Rashid Sidek memenangi pingat gangsa untuk acara perseorangan lelaki pada Sukan Olimpik 1996 di Atlanta setelah menewaskan Juara Dunia dari Indonesia, Heryanto Arbi. Beliau menjadi pemain nombor satu dunia buat julung kalinya pada tahun 1997. Beliau kini berkhidmat sebagai jurulatih kepada pemain pelapis dalam pasukan badminton kebangsaan Malaysia. Beliau dikatakan yang paling handal di kalangan Sidek bersaudara, kerana ketangkasannya sewaktu permainan jaring dan 'smash' yang padu dan kencang. Beliau diiktiraf sebagai antara perseorangan lelaki terbaik pernah dilahirkan negara kita.

Zaman Kanak-kanak

Rashid yang dikenali sebagai Adul, merupakan seorang yang pendiam ketika kecil, malah sikapnya pendiam lebih daripada Rahman ketika usia kecil. Rashid lebih menyerlah dan cerdik di dalam bidang pelajaran juga merupakan seorang yang tegas dan jiwanya yang penuh dengan kedegilan. Rashid yang lebih menonjol berbanding abangnya Rahman dalam sukan badminton membuatkan beliau telah memenangi beberapa kejohanan besar antaranya mengalahkan Rahman dalam kejohanan Melayu Malaysia di Dewan Badminton Kuala Lumpur pada tahun 14 Oktober 1984 dan itu merupakan kejohanan yang terbesar pertama buat diṛinya. Rashid juga merangkul hampir kesemua kejohanan Sekolah-sekolah Malaysia ketika usianya mencecah belasan tahun.



Kejuaraan yang diraih pada peringkat awal



Rashid mula menunjukkan belang sewaktu berumur 10 tahun - 1978


PENCAPAIAN

1990

Pemegang Pingat Emas Perseorangan Lelaki Sukan Komanwel, Auckland
Juara Perseorangan Terbuka Malaysia

1991

Juara Perseorangan Terbuka Malaysia
Juara Perseorangan Asia, Jakarta



Rashid menjadi Juara Asia di Jakarta mengalahkan sebahagian besar pemain handalan ketika itu.

1992

Juara Berpasukan Piala Thomas
Juara Perseorangan Terbuka Malaysia
Juara Perseorangan Akhir Grand Prix Dunia
Juara Perseorangan ABC
Suku Akhir Perseorangan Sukan Olimpik

1993

Semi Finalis Perseorangan Akhir Grand Prix Dunia
Semi Finalis Perseorangan Piala Dunia

1994

Pemegang Pingat Emas Perseorangan Lelaki Sukan Komanwel, Auckland
Juara Perseorangan Terbuka Malaysia

1995

Juara Perseorangan Terbuka Brunei
Pemegang Pingat Perak Berpasukan Sea Games
Pemegang Pingat Gangsa Perseorangan Sea Games
Semi Finalis Perseorangan Terbuka Thailand
Suku Akhir Perseorangan Terbuka Malaysia
Suku Akhir Perseorangan Terbuka Sweden
Suku Akhir Perseorangan Terbuka Piala Konica (Singapore)

1996

Juara Perseorangan Piala Asia
Juara Perseorangan Terbuka Jerman
Naib Juara Perseorangan All England
Naib Juara Perseorangan Terbuka Chinese Taipei
Pemegang Pingat Gangsa Perseorangan Sukan Olimpik
Semi Finalis Perseorangan Terbuka USA
Semi Finalis Perseorangan Terbuka Thailand

1997

Diiktiraf sebagai pemain No. 1 Dunia oleh Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)

Semi Finalis Perseorangan Terbuka Thailand
Suku Akhir Perseorangan Terbuka Malaysia
Suku Akhir Perseorangan Terbuka Sweden



Rashid menerima salah satu daripada pingat yang anugerahkan.

1998

Semi Finalis Perseorangan Terbuka Jepun
Semi Finalis Perseorangan Terbuka Hong Kong
Semi Finalis Perseorangan Terbuka Malaysia
Pusingan Ke-3 Perseorangan Terbuka Piala Konica
Pusingan Ke-3 Perseorangan Terbuka Denmark

1999

Terpilih antara 16 pemain terbaik dalam Akhir Grand Prix Dunia di Brunei

2000

Naib Juara Perseorangan Terbuka Korea

2004 Tenaga jurulatih Piala Thomas/Uber Malaysia
Tenaga jurulatih ke Sukan Olimpik, Athen

2005 Tenaga jurulatih Ke Kejohanan ABC Junior, Jakarta (Naib Juara Wanita Berpasukan)

2019 - kini
Jurulatih Pemain perseorangan Paralimpik Malaysia

.



Rashid menjadi Jurulatih kepada Cheah Liek Hou (pemenang pingat emas Paralimpik Rio 2016)
foto :MSN

Jawatan yang pernah disandang

*Jurulatih Kelab Badminton Nusa Mahsuri (Mulai 1996 hingga 31 Disember 2002)

*Penasihat Kelab Badminton Nusa Mahsuri (Mulai 1 Januari hingga sekarang)

*Jurulatih Perseorangan Persatuan Badminton Malaysia(Mulai 1 Januari 2003 hingga 31 Disember 2004)

*Ketua Jurulatih Junior Persatuan Badminton Malaysia(Mulai 1 Januari 2005)